

Hampir 100 peratus kilang, ladang sawit Malaysia diperakui MSPO - PM Anwar
Astro Awani
08 November 2023
Hasimi Muhamad

KUALA LUMPUR: Hampir 100 peratus ladang dan kilang kelapa sawit di Malaysia telah diperakui mampan di bawah skim piawaian Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia sangat percaya bahawa pengeluaran yang mampan adalah jalan ke hadapan untuk industri minyak sawit.

Dalam masa yang sama, beliau menambah Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) perlu memainkan peranannya dengan berkesan dalam menyampaikan kepentingan minyak sawit kepada ekonomi dan kesejahteraan negara pengeluar.

"Kami juga komited untuk melindungi hutan, flora dan faunanya melalui pemuliharaan dan pengurusan yang lestari. Malaysia berikrar untuk mengekalkan 50 peratus daripada mercu tandanya di bawah perlindungan hutan pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio pada 1992 dan ia masih utuh.

"Sementara itu, penerbitan 'Food and Agriculture Organisation's State of the World's Forests (SOFO)' sejak 1990, sebanyak 22 negara, termasuk Malaysia telah berjaya meningkatkan tahap keselamatan makanan negara dan pada masa yang sama mengekalkan peningkatan litupan hutan," katanya di sini pada Rabu.

Perdana Menteri berucap ketika merasmikan Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa MPOB 2023 (PIPOC 2023).

PIPOC 2023 berlangsung selama tiga hari bermula 7 hingga 9 November, dan dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Kongres tersebut menghimpunkan lebih 100 penceramah terkemuka dan sekitar 2,000 peserta dari seluruh dunia sebagai platform berkongsi pandangan tentang trend semasa, cabaran, peluang dan teknologi terkini industri sawit.

Bertemakan 'Navigating Uncertainties, Building Resilience', PIPOC 2023 melibatkan empat persidangan serentak iaitu Persidangan Pertanian, Bioteknologi dan Kemampanan; Persidangan Pemprosesan, Keselamatan Makanan dan Pemakanan; Persidangan Hiliran dan Penambahan Nilai; serta Persidangan Ekonomi dan Pemasaran Global.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata Kesatuan Eropah (EU) mengiktiraf dan menghargai usaha negara pengeluar minyak sawit dalam memenuhi Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan EU (EUDR).

Perdana Menteri menambah, kerajaan negara pengeluar minyak sawit seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand mengambil langkah agresif dan bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan tersebut.

Malah, Anwar berkata pengeluar makanan Malaysia memberi jaminan bahawa minyak sawit yang digunakan adalah selamat.

"Saya gembira kerana Perdana Menteri Thailand yang baharu (Srettha Thavisin) telah memberi jaminan bahawa Thailand akan turut serta untuk bekerjasama dengan Malaysia dan Indonesia, dan diharapkan negara-negara lain dalam membentangkan kes kami khususnya kepada EU," ujarnya.

Dalam masa yang sama, Anwar berkata rakan sejawatnya dari Belanda, Mark Rutte, dalam pertemuan baru-baru ini turut memberi jaminan untuk memahami pengeluaran minyak sawit oleh negara-negara pengeluar.

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hampir-100-peratus-kilang-ladang-sawit-malaysia-diperakui-mspo-pm-anwar-445165>